

**HMT 223: MORFOLOGI BAHASA MELAYU**

**JAWAPAN TUGASAN TUTORIAL**

**DISEDIAKAN OLEH :**

<b>NAMA AHLI</b>	<b>NO. MATRIK</b>	<b>WAKTU TUTORIAL</b>
ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS	148634	ISNIN (4.00 PM – 5.00 PM)
NUR EFFA SHAFIZA BINTI SHAMSUDIN	145566	ISNIN (3.00 PM – 4.00 PM)
SITI AISYAH FAIQAH BINTI AMIZAN	145911	ISNIN (3.00 PM- 4.00 PM)

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**DR. NORSOFIAH BINTI ABU BAKAR**

**TARIKH PENGHANTARAN :**

**6 JULAI 2022**

## SOALAN 1

[a]

DATA A	BENTUK IMBUHAN	JENIS IMBUHAN
bersuami	ber-	prefiks
bersuamikan	ber-...-kan	konfiks
panjangkan	-kan	surfiks
memanjangkan	me-...-kan	konfiks
menyeramkan	me-...-kan	konfiks
sepanjang	se-	prefiks
terbatas	ter-	prefiks
seibu	se-	prefiks

[b]

	KATA KERJA TERBITAN	MORFEM AKAR	GOLONGAN KATA	ASPEK MORFOLOGI	ASPEK SINTAKSIS
I	bersuami	suami	Kata nama	“suami” merupakan kata nama am dan boleh mengubah golongan kata apabila menerima imbuhan. Sebagai contoh, penambahan imbuhan ‘ber-’ boleh mengubah	Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja iaitu “bersuami”.

				golongan kata daripada kata nama kepada kata kerja.	
II	bersuamikan	suami	Kata nama	<p>“suami” merupakan kata nama am dan boleh mengubah golongan kata apabila menerima imbuhan. Sebagai contoh, penambahan imbuhan ‘ber-...-kan’ boleh mengubah golongan kata daripada kata nama kepada kata kerja.</p>	<p>Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja iaitu “bersuamikan”.</p>
III	panjangkan	panjang	Kata adjektif	<p>“panjang” merupakan kata adjektif ukuran yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan. Berdasarkan data A, “panjang” yang menerima imbuhan sufiks</p>	<p>Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja iaitu “panjangkan”.</p>

				<p>‘-kan’ akan mengubah golongan kata iaitu daripada kata adjektif kepada kata kerja.</p> <p>“panjangkan” bermaksud tempoh atau jarak masa untuk menerangkan umur seseorang.</p>	
IV	memanjangkan	panjang	Kata adjektif	<p>“panjang” merupakan kata adjektif ukuran yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan. Berdasarkan data A, “panjang” yang menerima imbuhan ‘me-...-kan’ akan mengubah golongan kata iaitu daripada kata adjektif kepada kata kerja.</p> <p>“memanjangkan” bermaksud</p>	<p>Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja iaitu “memanjangkan”.</p>

				menjadikan panjang.	
V	menyeramkan	seram	Kata adjektif	<p>“seram” merupakan kata adjektif sifat atau keadaan yang berfungsi sebagai unsur keterangan nama. Berdasarkan data A, “seram” yang menerima imbuhan ‘meny-...-kan’ akan mengubah golongan kata yaitu daripada kata adjektif kepada kata kerja.</p> <p>“menyeramkan”. Kata dasar ini hanya dapat menerima apitan ‘meny-...-kan’, dan tidak dapat menerima awalan ‘meN’, ‘di-’ atau ‘beR-’ sahaja.</p>	Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja iaitu “menyeramkan”.
VI	sepanjang	panjang	Kata adjektif	<p>“panjang” merupakan kata adjektif ukuran</p>	Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini

				<p>yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan. Berdasarkan data A, “panjang” yang menerima imbuhan ‘se-’ akan mengubah golongan kata yaitu daripada kata adjektif kepada kata kerja.</p> <p>“sepanjang”.</p> <p>Awalan ‘se-’ dapat digunakan bagi menerbitkan kata adjektif apabila bergabung dengan kata dasar.</p>	<p>kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja yaitu “sepanjang”.</p>
VII	terbatas	batas	Kata kerja	<p>Prefiks ‘ter-’ diimbuhkan kepada kata dasar “batas” membentuk kata kerja tak transitif.</p>	<p>Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja yaitu “terbatas”.</p>

VIII	seibu	ibu	Kata nama	<p>“ibu” merupakan kata nama am dan boleh mengubah golongan kata apabila menerima imbuhan. Sebagai contoh, penambahan imbuhan ‘se-’ kepada kata dasar “ibu” boleh mengubah golongan kata daripada kata nama kepada kata kerja.</p>	<p>Berfungsi sebagai predikat dalam ayat. Hal ini kerana penanda bagi predikat dalam ayat merupakan kata kerja iaitu “seibu”.</p>
------	-------	-----	-----------	--	---

[c] Apabila imbuhan dalam [a] dipraktikan pada setiap morfem akar dalam [b], ianya akan mengubah golongan kata dan membawa makna yang berbeza bagi setiap kata kerja terbitan tersebut. Sebagai contoh, apabila imbuhan ‘ber-’ dipraktikan pada morfem akar suami ianya akan mengubah golongan kata nama ‘suami’ menjadi kata kerja ‘bersuami’. Kata kerja terbitan ‘bersuami’ ini juga akan membawa maksud yang berbeza iaitu mempunyai suami.

## SOALAN 2

[a]

<b>Morfem akar</b>	<b>Golongan kata</b>	<b>Afiks</b>	<b>Kata terbitan yang dihasilkan</b>	<b>Golongan kata terbitan</b>
malam	Kata nama	Konfiks [se-...-an]	semalaman	Kata nama
sedia	Kata adjektif	Prefiks [ber-]	bersedia	Kata kerja
teruna	Kata nama	-	teruna	Kata nama
herdik	Kata kerja	Prefiks [meng-]	mengherdik	Kata kerja
wajib	Kata kerja	Konfiks [ke-...-an]	kewajipan	Kata nama
pantas	Kata adjektif	Konfiks [me-...-kan]	memantaskan	Kata kerja
tanggung	Kata kerja	Prefiks [pe-]	penanggung	Kata nama
seronok	Kata adjektif	-	seronok	Kata adjektif
tempat	Kata nama	Konfiks [me-...-i]	menempati	Kata kerja
kilau	Kata adjektif	Konfiks [ber-...-an]	berkilauan	Kata adjektif



panas	Kata adjektif	Konfiks [me-...-i]	memanasi	Kata kerja
cembeng	Kata adjektif	-	cembeng	Kata adjektif
papah	Kata kerja	Prefiks [me-]	memapah	Kata kerja
leset	Kata kerja	Prefiks [me-]	meleset	Kata kerja
ia	Kata tugas	Konfiks [meng-...-kan]	mengiakan	Kata kerja
cerkap	Kata kerja	Sisipan [-em-]	cemerkap	Kata adjektif
geligi	Kata kerja	Prefiks [meng-]	menggeligi	Kata kerja
gelincat	Kata kerja	Prefiks [ter-]	tergelincat	Kata kerja
ayun	Kata kerja	Konfiks [meng-...kan]	mengayunkan	Kata kerja
sembarang	Kata tugas	-	sembarang	Kata tugas
jajah	Kata kerja	Konfiks [men-...-i]	menjelajahi	Kata kerja
kelola	Kata kerja	Konfiks [pen-...-an]	pengelolaan	Kata nama
melulu	Kata kerja	-	melulu	Kata kerja
mendak	Kata nama	Sufiks	mendakan	Kata kerja

		[-an]		
perangai	Kata nama		perangai	Kata nama
perangkap	Kata nama	Prefiks [me-]	memerangkap	Kata kerja
rondok	Kata kerja	Prefiks [se-]	Serondok	Kata kerja

[b]

Data B	Morfem derivasi/ infleksi	Hujah
semalaman	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'se...-an' kepada kata nama 'malam', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'se...-an' merupakan imbuhan bagi kata nama.
bersedia	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'ber-' kepada kata adjektif 'sedia', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'ber-' akan mengubah golongan kata 'sedia' iaitu kata adjektif menjadi kata kerja 'bersedia'.
teruna	Infleksi	Tiada proses penerbitan kata
mengherdik	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'meng-' kepada kata kerja 'herdik', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna

		kata tersebut. Ini kerana 'meng-' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
kewajipan	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'ke-...-an' kepada kata kerja 'wajib', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'ke-...-an' akan mengubah golongan kata 'wajib' iaitu kata kerja menjadi kata nama 'bersedia'.
memantaskan	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'me-...-kan' kepada kata adjektif 'pantas', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'me-...-kan' akan mengubah golongan kata 'pantas' iaitu kata adjektif menjadi kata kerja 'memantaskan'.
penanggung	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'pen-' kepada kata kerja 'tanggung', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'pen-' akan mengubah golongan kata 'tanggung' iaitu kata kerja menjadi kata nama 'penanggung'.
seronok	Infleksi	Tiada proses pengimbuhan kata.
menempati	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'me-...-i' kepada kata nama 'tempat', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'me-...-i' akan mengubah golongan kata 'tempat' iaitu kata nama menjadi kata kerja 'menempati'.

berkilauan	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'ber-...-an' kepada kata adjektif 'kilau', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'ber-...-an' merupakan imbuhan bagi kata adjektif yang membawa makna mempunyai rasa atau sifat.
memanasi	derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'me-...-i' kepada kata adjektif 'panas', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'me-...-i' akan mengubah golongan kata 'panas' iaitu kata adjektif menjadi kata kerja 'memanasi'.
cembeng	infleksi	Tiada proses pengimbuhan kata.
memapah	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'me-' kepada kata kerja 'papah', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'me-' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
meleset	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'me-' kepada kata kerja 'leset', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'me-' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
mengiakan	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'meng-' kepada kata tugas 'ia', ia akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'meng-' merupakan imbuhan bagi kata kerja. Oleh itu, ia akan

		mengubah golongan kata dari kata tugas kepada kata kerja.
cemerkap	Infleksi	Tiada proses pengimbuhan kata.
menggeligi	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'meng-' kepada kata kerja 'geligi', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'meng-' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
tergelincat	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'ter-' kepada kata kerja 'gelincat', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'ter-' merupakan imbuhan bagi kata kerja yang membawa makna perbuatan tidak sengaja.
mengayunkan	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'me-...-kan' kepada kata kerja 'hayun', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'me-...-kan' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
sembarang	infleksi	Tidak mengalami proses penerbitan kata.
menjelajahi	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'men-...-i' kepada kata kerja 'jajah', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'men-...i' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
pengelolaan	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'peng-...-an' kepada kata kerja 'kelola', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'peng-...-an' akan mengubah golongan kata

		'kelola' iaitu kata kerja menjadi kata nama 'pengelolaan'.
melulu	Infleksi	Tidak mengalami proses penerbitan kata.
mendakan	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi '-an' kepada kata kerja 'mendak', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana '-an' merupakan imbuhan bagi kata kerja.
perangai	Infleksi	Tidak mengalami proses penerbitan kata.
memerangkap	Derivasi	Apabila diimbuhkan morfem derivasi 'mem-' kepada kata nama 'perangkap', ia akan mengubah golongan kata dan makna bagi kata tersebut. Morfem derivasi 'mem-' akan mengubah golongan kata 'perangkap' iaitu kata nama menjadi kata kerja 'memerangkap'.
Serondok	Infleksi	Apabila diimbuhkan morfem infleksi 'se-' kepada kata kerja 'rondok', ia tidak akan mengubah golongan kata dan makna kata tersebut. Ini kerana 'se-' merupakan imbuhan bagi kata nama.

**SOALAN 3 [a] [i] [ii] dan [b] [i] [ii] [iii]**

	<b>KATA TERBITAN</b>	<b>HUJAH</b>	<b>GOLONGAN KATA</b>	<b>FUNGSI</b>	<b>MAKNA</b>
<b>I</b>	pendidikan	Konfiks pen-...-an apabila bergabung dengan kata dasar 'didik' membentuk kata nama yang membawa maksud hal keadaan yang terkandung dalam kata dasar tersebut seperti 'pendidikan'.	Kata nama	-	-
	menjadi	Prefiks men-membawa makna membuat atau melakukan. Apabila diimbuhkan dengan kata "jadi" akan menjadi kata kerja aktif tak transitif berpelengkap. Kata kerja "menjadi" memerlukan objek selepasnya untuk membentuk ayat yang lengkap.	Kata kerja	-	-
	perbualan	Konfiks per-...-an membentuk kata nama yang membawa makna abstrak. Apabila konfiks per-an diimbuhkan dengan kata kerja bual menjadi kata terbitan perbualan, ianya membawa makna khusus iaitu	kata nama	-	-

	hal yang berkaitan dengan kata dasar atau hasil daripada melakukan maksud kata dasarnya.			
harian	Sufiks -an apabila diimbuhkan kepada kata nama waktu hari akan membawa makna tiap-tiap. Kata harian biasanya berfungsi sebagai keterangan dlm frasa	Kata nama	-	-
sekecil-kecilnya	Penggandaan separa kata adjektif ialah proses mengulang atau menggandakan kata dasar adjektif tanpa menggandakan imbuhan nya. Terdapat dua proses penerbitan kata bagi 'sekecil-kecilnya', iaitu penggandaan separa bagi kata berawalan 'sekecil-kecil' dan berlaku proses pengimbuhan sufiks '-nya'	Kata adjektif	Prefiks 'se-' mempunyai fungsi sebagai penetap golongan sahaja.	Makna yang di dukung oleh imbuhan 'se-' ialah "sama dengan".
membabitkan	Konfiks 'mem-' kan apabila diimbuhkan dengan kata kerja babit akan membentuk kata kerja transitif iaitu yang digunakan sebagai unsur predikat yang	Kata kerja	-	-



		memerlukan objek atau penyambut dalam ayat transitif aktif. Kata kerja yang terbentuk iaitu membabitkan membawa makna membuat sesuatu yang terkandung dalam kata dasar			
	keperluan	Konfiks ke-an apabila diimbuhkan dengan “perlu” akan membentuk kata nama terbitan yang mendukung makna perihal atau hal yang timbul	Kata nama	-	-
	sehinggalah	Prefiks se- digunakan sebelum kata nama ukuran “hingga” menjadi “sehingga” yang membawa makna jarak antara sesuatu masa . Kata “sehingga” menerima partikel lah menjadi “sehinggalah” berfungsi untuk menegaskan predikat dalam ayat.	Kata nama	-	-
	peringkat	Prefiks ‘pe-’ apabila diimbuhkan kepada kata nama “tingkat” tidak mengubah golongan kata dan berlaku perubahan huruf pertama kata dasar “tingkat”	Kata nama	-	-

		menjadi “peringkat” membawa makna kedudukan atau taraf			
	tertinggi	Prefiks ter- apabila bergabung dengan kata adjektif “tinggi” membentuk kata adjektif terbitan “tertinggi”. Perkataan “tertinggi” bermaksud darjah penghabisan yang berfungsi sebagai penjelasan keadaan perbandingan atau keadaan paling dalam sesebuah ayat.	Kata adjektif	-	-
<b>II</b>	kedua-dua	Prefiks ke- yang digandingkan dengan kata ganda “dua-dua” membentuk kata bilangan “kedua-dua”. Perkataan “kedua-dua” bermaksud himpunan kerana memberi keterangan tentang jumlah.	Kata tugas	-	-
	mengecil	Pengimbuhan ‘me-’ kepada kata adjektif menghasilkan kata kerja terbitan. Imbuhan ‘me-’ ini mendukung makna ‘menjadi’ yang merujuk kepada peralihan dari satu keadaan kepada	Kata kerja	Prefiks ‘me-’ mempunyai fungsi sebagai pengubah golongan.	Makna yang di dukung oleh imbuhan ‘me-’ ialah “menjadi”.

		keadaan yang lain. Dalam data II, 'mengecil' merujuk kepada menjadi kecil.			
<b>III</b>	mengecilkan	Kata kerja terbitan 'mengecilkan' ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan 'men-...-kan' pada kata dasar 'kecil'. Kata terbitan ini merupakan kata terbitan berapitan.	Kata kerja	Konfiks 'me-...-kan' mempunyai fungsi sebagai pengubah golongan.	Makna yang di dukung oleh imbuhan 'me-...-kan' ialah "membuat" matanya menjadi kecil.
	mendengar	Prefiks 'men-' apabila diimbuhkan pada kata kerja "dengar", membawa makna "membuat" atau "melakukan". Perkataan "mendengar" merupakan kata kerja transitif yang mesti disertai oleh objek (kata nama).	Kata kerja	-	-
<b>IV</b>	membidas	Prefiks 'mem-' apabila diimbuhkan pada kata kerja "bidas", membawa makna "memberi" atau "mengenakan". Perkataan "membidas" merupakan kata	Kata kerja	-	-

		kerja transitif yang menerangkan kata nama.			
	pembangkang	Prefiks 'pem-' apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf b menjadi pem-. Perkataan "pembangkang" merupakan kata nama terbitan yang membawa makna orang yang menjawat tugas.	Kata nama	-	-
	memperkecil-kecilkan	Penggandaan separa ialah proses yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar 'kecil' merupakan kata tunggal. Kata terbitan 'memperkecil-kecilkan' merupakan penggandaan separa kata berimbuhan dengan apitan	Kata kerja	Konfiks 'memper-...-kan' mempunyai fungsi sebagai pengubah golongan.	Makna yang di dukung oleh imbuhan 'memper-...-kan' ialah "menyebabkan".
	kerajaan	Kata "raja" yang diimbuhkan dengan konfiks ke-...-an membentuk kata nama terbitan yang mendukung makna "hal berkaitan dengan". Perkataan "kerajaan" bermaksud	Kata nama	-	-

		kepada hal yang berkaitan dengan raja atau pemerintah.			
	pembangunan	<p>Prefiks ‘pem-...-an’ apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf b berubah menjadi ‘pem-...-an’.</p> <p>Perkataan “pembangunan” bermaksud perbuatan memberi. Contohnya, kata dasar “bangun” bertindak sebagai objek atau pelengkap kepada perbuatan yang dirujuk oleh ‘pem-...-an’.</p>	Kata nama	-	-
V	selalu	Perkataan “selalu” merupakan kata adjektif terbitan cara kerana menerima prefiks se- yang bermaksud keadaan kelakuan atau ragam apabila diikuti dengan penerang kata nama “Zainab”.	kata adjektif	-	-
	berasa	<p>Prefiks ‘ber-’ apabila diimbuhkan kepada kata sifat “rasa”, membawa maksud “mempunyai rasa atau sifat”.</p> <p>Perkataan “berasa” adalah kata</p>	Kata kerja	-	-

		kerja tak transitif yang merujuk kepada perasaan.			
	memperkecil-kecil	<p>Penggandaan separa kata adjektif ialah proses mengulang atau menggandakan kata dasar adjektif tanpa menggandakan imbuhan.</p> <p>Bentuk penggandaan separa kata adjektif bagi 'memperkecil-kecil' ialah penggandaan separa pada kata berawalan. Apabila kata dasar 'kecil' menerima imbuhan awalan 'memper-', ianya akan mengubah golongan kata daripada kata adjektif kepada kata kerja.</p>	Kata kerja	Prefiks 'memper-' mempunyai fungsi sebagai pengubah golongan.	Makna yang di dukung oleh imbuhan 'memper-' ialah "menjadikan lebih" atau "bertambah".
VI	menghasilkan	Konfiks meng-kan apabila diimbuhkan dengan kata kerja "hasil" akan membentuk kata kerja transitif iaitu yang digunakan sebagai unsur predikat yang memerlukan objek atau penyambut dalam ayat transitif aktif . Kata kerja yang terbentuk	Kata kerja	-	-

		<p>ialitu  “menghasilkan”  membawa makna  membuat sesuatu  yang terkandung  dalam kata dasar.</p>			
	berasaskan	<p>Konfiks  ‘ber-...-kan’  apabila  diimbuhkan  dengan kata nama  “ asas” membentuk  kata kerja aktif tak  transitif yang  mmbawa makna  menjadikan sesuatu</p>	Kata kerja	-	-
	kecil-kecilan	<p>Penggandaan  separa kata adjektif  ialah proses  mengulang atau  menggandakan  kata dasar adjektif  tanpa  menggandakan  imbuhan nya.  Bentuk  penggandaan  separa kata adjektif  bagi ‘kecil-kecilan’  ialah penggandaan  separa pada kata  berakhiran. Hasil  pengimbuhan ‘-  an’ kepada kata  gandaan yang  seperti ini ialah  adverba gaya.</p>	Kata adjektif	<p>Surfiks  ‘-an’  mempunyai  fungsi  sebagai  penetap  golongan  sahaja.</p>	<p>Surfiks ‘-an’  apabila  bergabung  dengan kata  dasar ‘kecil’,  membawa  makna sesuatu  yang  mempunyai  sifat yang  terkandung  dalam kata  dasar.</p>
<b>VII</b>	merasakan	<p>Konfiks  ‘me-...-kan’ apabila  diimbuhkan  dengan kata kerja  “rasa” membentuk  kata kerja aktif  transitif yang  mmbawa makna</p>	Kata kerja	-	-

		kausatif atau menyebabkan.			
	kekecilan	Kata nama terbitan 'kekecilan' ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan 'ke-...-an' pada kata dasar 'kecil'. Kata terbitan ini merupakan kata terbitan berapitan. Konfiks 'ke-...-an' bergabung dengan kata dasar kecil untuk membentuk kata nama yang bersifat abstrak menjadi 'kekecilan'	Kata nama	Konfiks 'ke-...-an' mempunyai fungsi sebagai pengubah golongan.	Konfiks 'ke-...-an' membawa maksud hal keadaan yang terkandung dalam kata dasar 'kecil'.
	setiap	Prefiks se-membawa maksud "satu". Perkataan "setiap" bermaksud pecahan kerana menjadi penerang jumlah frasa nama dalam ayat.	Kata tugas	-	-



**TUGASAN 4 [a] dan [b]**

SOALAN 4[a]		SOALAN 4 [b]
MORFEM	MAKNA	
m	'm' merupakan morfem terikat yang tidak mempunyai makna dan memerlukan morfem lain untuk menjadi satu kata yang bermakna. 'm' merupakan prefiks kata nama yang dilampirkan di hadapan kata nama tunggal.	prefiks
toto	'toto' membawa maksud anak ( <i>the child</i> ) dan merupakan morfem bebas.	-
a	'a' merupakan morfem terikat yang diimbuhkan kepada kata kerja apabila subjek itu adalah tunggal atau satu ( <i>singular</i> ). Contohnya, ia merujuk kepada satu anak.	prefiks
me	'me' menunjukkan perkara yang telah berlaku dan merupakan morfem terikat. 'me' merujuk kepada prefiks bagi kata kerja yang telah berlaku dan merujuk kepada '-ed' dalam Bahasa Inggeris.	Prefiks
fika	'fika' bermaksud 'tiba' dan merupakan morfem bebas yang boleh berdiri sendiri.	-

na	'na' menunjukkan perkara yang sedang berlaku dan merupakan morfem terikat iaitu memerlukan morfem lain untuk membentuk kata yang bermakna. 'na' merujuk kepada '-ing' dalam Bahasa Inggeris.	Prefiks
ta	'ta' menunjukkan perkara yang akan berlaku dan merupakan morfem terikat iaitu memerlukan morfem lain untuk membentuk kata yang bermakna.	prefiks
wa	'wa' merupakan morfem terikat yang tidak mempunyai makna dan memerlukan morfem lain untuk menjadi satu kata yang bermakna. 'wa' juga menunjukkan maksud jamak iaitu dua atau lebih. 'wa' mewakili 's' dalam Bahasa Inggeris. Contohnya, kanak-kanak, mereka ( <i>persons</i> ).	Prefiks
tu	'tu' bermaksud orang dan merupakan morfem bebas iaitu dapat berdiri sendiri.	-
lala	'lala' membawa maksud tidur dan merupakan morfem bebas yang boleh berdiri sendiri.	-
ki	'ki' merupakan morfem terikat dan memerlukan morfem lain untuk menjadi satu kata yang bermakna. 'ki' juga menunjukkan maksud tunggal bagi benda (singular)	prefiks
su	'su' bermaksud pisau dan merupakan morfem bebas yang boleh berdiri sendiri.	-
anguka	'anguka' bermaksud jatuh dan merupakan morfem bebas yang boleh berdiri sendiri.	-
vi	'vi' merupakan morfem terikat dan memerlukan morfem lain untuk menjadi satu kata yang bermakna. 'vi' juga menunjukkan maksud jamak bagi benda (plural), 'vi' dalam Bahasa Inggeris mewakili 's' iaitu menunjukkan banyak atau lebih daripada satu (plural). Contohnya, <i>knives, baskets</i>	Prefiks
kapu	'kapu' bermaksud bakul dan merupakan morfem bebas yang boleh berdiri sendiri.	-



